

# KOMPETENSI PENGETAHUAN PEDAGOGI AM GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH AGAMA INTEGRASI NEGERI SELANGOR

Kamarulnizam Bin Sani<sup>1</sup>, Zetty Nurzuliana Binti Rashed<sup>2</sup>, Norziah Binti Othman<sup>3</sup>, Hamdi Bin Ishak<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,

<sup>2</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia

## PENDAHULUAN

Peranan guru adalah penting dalam memastikan kecemerlangan murid di sekolah (Norhana Mohamad Saad, Pranayna Baharuddin & Siti Noor Ismail, 2016). Guru pendidikan Islam yang berkhidmat di bawah pentadbiran JAIS, di tempatkan di beberapa buah sekolah dalam negeri Selangor (JAIS, 2019). Antaranya Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI). Guru ini diamanahkan untuk melaksanakan dasar Falsafah Pendidikan Islam yang mana dapat membangunkan modal insan yang cemerlang, membina perkembangan murid secara holistik, kerohanian yang mantap dan beradab tinggi berlandaskan wahyu Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW (IHES JAIS, 2015). Dasar pelaksanaan matlamat ini mementingkan persediaan dan tahap pengetahuan yang tinggi dalam pendidikan termasuklah memiliki sijil ikhtisas dan pengalaman guru itu sendiri.

Sehubungan dengan itu, bagi menilai dan menghargai kecemerlangan guru JAIS, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang menjadi momentum kejayaan. Penganugerahan ini berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2012 dengan penilaian disahkan oleh ketua jabatan, tahap minimum markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan guru perlu melepasi 85 peratus dan bebas dari salah laku dan tindakan tatatertib (Eghrmis, 2019). Kriteria pemilihan dilihat dalam sudut aspek yang lain adalah guru perlu bergiat aktif dalam memberikan sumbangan tenaga di luar tugas rasmi seperti aktiviti kemasyarakatan, mengharumkan nama JAIS, kerajaan negeri dan agama Islam (JAIS, 2019).

Justeru itu, anugerah kecemerlangan guru dilihat mempunyai perkaitan dengan kepentingan kompetensi. Manakala keperluan kepada kajian kompetensi guru pendidikan Islam mempunyai hubungkait dengan aspek pengetahuan, kemahiran dan sifat keperibadian guru itu sendiri (Hay McBer, 1996; Djamas 2005). Hal ini wujud akibat daripada saranan Islam bagi membentuk kecemerlangan dalam kehidupan dan menggalakkan umatnya bersungguh-sungguh hingga berjaya (Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah, 2010). Sementelahan ini, ia mempunyai persamaan dalam mencapai objektif Pendidikan JAIS iaitu memantapkan sistem pengurusan dan perkhidmatan serta memperkasakan kurikulum mengikut Sistem Pendidikan Integrasi Holistik untuk melahirkan modal insan bertakwa (JAIS, 2019).

Data yang diperolehi dari Struktur Pelan Operasi Latihan Jabatan Agama Islam Selangor Skim Perkhidmatan Gred DG 29 tahun 2020 yang dikeluarkan oleh Unit Pembangunan Profesionalisme Keguruan (UPPK) Institut Murabbi Negeri Selangor menunjukkan bahawa program latihan peningkatan profesionalisme bermula tahap dua hingga tahap empat masih lagi tidak memiliki modul kompetensi yang khusus. Sebanyak 25 program yang telah dirancang, hanya empat program yang mempunyai panduan dan modul (Mohd Hanif, 2021). Kekurangan ini menyebabkan UPPK tidak memahami secara jelas kandungan modul kompetensi untuk dijadikan

panduan. Maka ketiadaan data yang diperolehi, menyukarkan UPPK menggubal instrumen yang diperlukan bagi menilai tahap kompetensi guru dan cadangan latihan lanjutan.

Permasalahan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Nur Hanani Hussin dan Ab. Halim Tamuri (2017) adalah bertujuan meneroka faktor perkembangan pengetahuan kandungan pedagogi dalam kalangan guru cemerlang pendidikan Islam. Dalam kajian berkenaan, dua faktor perkembangan pengetahuan kandungan pedagogi GPI telah dikemukakan iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman terdiri daripada sikap, kemahiran, dan pengalaman. Manakala faktor luaran adalah jaringan, infrastruktur dan sokongan. Sampel kajian terdiri daripada tujuh guru cemerlang pendidikan Islam yang dipilih dari Jabatan Pendidikan Seluruh Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor budaya percambahan ilmu dalam kalangan guru cemerlang mempunyai hubungan terhadap faktor perkembangan pengetahuan kandungan pedagogi GPI. Manakala dapatan kajian oleh Hazlan Atan (2018), mendapati bahawa tahap pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) guru mengajar pelajaran Jawi berada di tahap tinggi. Persamaan kajian ini dapat dilihat berdasarkan komponen kompetensi teori Shulman (1987) iaitu pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi umum, pengetahuan pedagogi khusus dan pengetahuan konteks guru mengajar.

Oleh hal yang demikian, tujuan dilakukan penelitian dalam permasalahan kajian ini, untuk membina satu kerangka konseptual kompetensi guru pendidikan Islam di SRAI negeri Selangor. Hal demikian kerana JAIS tidak mempunyai dasar yang khusus terhadap menilai kompetensi guru cemerlang. Pembinaan kerangka konseptual ini dapat menjadikan panduan serta menambahbaik modul Pelan Operasi Latihan Jabatan Agama Islam Selangor Skim Perkhidmatan Gred DG29.

## **OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti bentuk kompetensi pengetahuan GPI SRAI negeri Selangor dari aspek pedagogi am. Manakala persoalan kajian bagaimanakah kompetensi pengetahuan pedagogi am GPI SRAI negeri Selangor memerlukan jawapan dan perbincangan yang mendalam.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Dalam konteks kajian ini, pengkaji memilih rekabentuk kajian kualitatif atau pun kajian kes bagi tujuan meneroka kompetensi pengetahuan dari aspek pedagogi am GPI SRAI. Metod utama bagi mendapatkan dan mengumpulkan data khusus dan terperinci berkaitan kompetensi GPI SRAI adalah dengan melibatkan temu bual. Enam orang GPI yang mengajar di SRAI negeri Selangor merupakan peserta dalam kajian ini yang dipilih berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*). GPI dipilih mengikut kriteria tertentu iaitu guru yang menerima anugerah perkhidmatan cemerlang (APC), khusus mengajar mata pelajaran pendidikan Islam, memiliki Gred DG29 hingga DG34 berstatus tetap atau kontrak dan pengalaman mengajar lebih lima tahun. Tinjauan dibuat menggunakan protokol temu buat berstruktur yang disahkan oleh panel rujukan pakar. Tahap kesahan Cohen Kappa adalah baik iaitu 0.80. Manakala Lokasi kajian dijalankan di empat buah SRAI di negeri Selangor dengan tujuan untuk memahami fenomena kajian.

## **ANALISIS DAPATAN KAJIAN KOMPETENSI PENGETAHUAN PEDAGOGI AM GPI SRAI NEGERI SELANGOR**

Analisis kajian ini membincangkan tentang kompetensi pengetahuan GPI SRAI yang menyentuh pemahaman seorang GPI mengenai fakta, peraturan, prinsip konsep atau proses melaksanakan sesuatu tugas. Oleh demikian, kompetensi GPI ini difokuskan bagi meneliti kategori pedagogi am GPI SRAI.

### **Pedagogi am.**


Menurut Saedah dan Mohammed Sani (2012), pedagogi merupakan pengetahuan guru dalam mengajar, menguruskan kelas, mengetahui kaedah dan teknologi pendidikan yang sesuai. Untuk tujuan menjawab persoalan kajian ini, pengkaji menyediakan soalan khusus iaitu “*Apakah yang ustaz/ustazah faham tentang strategi pengajaran?*”. Tema dan kod bagi kompetensi pengetahuan berkaitan pedagogi am dirumuskan dalam jadual matriks perbandingan Jadual 4.1 untuk memudahkan pemahaman.

Jadual 4.1 Rumusan Tema bagi Kategori Kompetensi Pengetahuan GPI SRAI dalam Aspek Pedagogi Am.

<b>Kategori</b>	<b>Tema</b>	<b>Sub Tema</b>
Kompetensi pengetahuan pedagogi am	Kaedah dan teknik	Pengajaran permainan Kreativiti Amali Teknologi Pendidikan Tunjuk cara
	Strategi Pengajaran	Pemusatan murid Pemusatan guru
	Perancangan Pengajaran	Pemusatan bahan Perancang Langkah pengajaran
	Pengintegrasian kemahiran generik	Penekanan kepada TMK
	Amalan IHES	Lihat sekeliling kelas
	Kebersihan kelas	Selitkan IHES Amalan berdoa
	Perbezaan individu	Tempoh aktiviti berjalan Tempoh pendekatan

*Sumber: Temu bual GPI sebagai data utama, manakala guru besar, rakan sejawat dan kumpulan murid sebagai data sokongan.*

Rajah 4.1: Tema Kompetensi Pengetahuan GPI SRAI dalam Aspek Pedagogi Am.



Berdasarkan Rajah 4.1, kajian mengenal pasti terdapat tujuh tema berdasarkan perspektif keenam-enam peserta kajian terhadap kompetensi pengetahuan pedagogi am. Tema tersebut terdiri daripada kaedah dan teknik, strategi pengajaran, perancangan pengajaran, pengintegrasian kemahiran generik, amalan IHES, kebersihan kelas, dan perbezaan individu.

#### a) Kaedah dan teknik.

Tema kaedah dan teknik merupakan tema yang dominan terhadap kompetensi GPI. Kaedah pengajaran secara permainan di dalam bilik darjah merupakan pengetahuan terhadap pedagogi am yang diamalkan. Menurut ustaz Adib, beliau dapat mempelbagaikan kaedah dan teknik disamping dibantu oleh alat bantu mengajar.

*“Seharusnya kita pelbagaikan lagi teknik pengajaran kita seperti menggunakan **kaedah mainan**, video dan sebagainya”.* (TB/Adib/KP: 213).

Kenyataan ini disahkan oleh murid ustaz Adib sendiri dalam temu bual yang dijalankan. Menurut murid A dan B menyatakan:

*“Seronok sebab ada tengok video”.* (MGPI5: 32).

Di sebalik itu, pengetahuan tentang belajar sambil bermain dan aplikasi teknologi pendidikan, pandangan GPI mencetuskan satu lagi dapatan iaitu dengan menerapkan kesenian atau kreativiti bagi menarik minat murid melalui kaedah dan teknik belajar. Ustaz Amin merupakan seorang guru yang berbakat dalam seni khat. Oleh itu, beliau menggunakan bakat yang sedia ada untuk diterapkan ketika dalam PdPc. Amalan ini dinyatakan dalam hasil temu bual berikut;

*“Lepas tu saya warna-warnakan. Memang penublah macam satu...penub kertas mahjong sampai setiap tujukkan. Lepas tu ada **warna-warnanya ada hiasan**”.* (TB/Amin/KP: 158).

Dapatan pemerhatian pengajaran terhadap GPI2 juga menggunakan perbezaan penggunaan warna ketika di dalam bilik darjah. Ustaz Zakwan menggunakan pen berwarna merah bagi menunjukkan perbezaan perkataan *Fi'il Madhi* dan *Fi'il Mudhor*?

Sebagaimana yang kita maklum, pengetahuan pedagogi am terhadap penggunaan teknologi dalam pendidikan dapat memberikan kefahaman pembelajaran dengan lebih jelas kepada murid. Ustaz Adib menguatkan lagi kenyataan tentang kepentingan terhadap teknologi pendidikan perlu diterapkan dalam kaedah dan teknik kerana perubahan kategori generasi mengikut peredaran zaman.

*“...kerana zaman sekarang ni dah menuju kepada **zaman IT yang moden** dan anak-anak kita juga tergolong dalam generasi Alpha ...”*. (TB/Adib/KP: 208).

Tambahan daripada itu, hasil dapatan ustaz Amin pula meluaskan lagi dapatan kajian terhadap pengetahuan pedagogi am secara kaedah tunjuk cara. Setiap guru perlu berpengetahuan bagi menunjukkan sesuatu kemahiran agar murid dapat mempraktikkan bersama. Menurut ustaz Amin dalam temu bual;

*“Memang setiap belajar, tajuk tu saya buat kertas mahjong. Lepas tu **saya buat sekali lah**”*. (TB/Amin/KP: 154).

Manakala temu bual kumpulan murid ustaz Amin menunjukkan mereka memahami dan seronok dengan pengajaran ustaz Amin;

*“Seronok dan mudah faham”*. (MGPI3: 28).

Persamaan yang dapat dilihat, pengetahuan GPI terhadap pedagogi am dapat membentuk pengetahuan dalam menerangkan maksud secara situasi realiti iaitu keadaan sebenar. Menurut ustaz Zakwan, bagi menarik minat murid terhadap mata pelajaran bahasa Arab khususnya dalam menghafal perbendaharaan yang baharu, beliau melaksanakan dalam kehidupan harian secara berperingkat.

*“...sebab bahasa Arab ni subjek atau perkataan yang mereka kurang dalam komunikasi contoh lah. So kita suruh budak, contohnya **paling mudah syukran jawabnya apa afwan**. Jadi itu yang paling mudah lah*. (TB/Zakwan/KP: 199).

Selaras dengan itu, hasil temu bual terhadap rakan sejawat menyokong kenyataan dari ustaz Zakwan;

*“... Ok mengajar, terang...kemudian budak sebut, ikut...aaa kemudian suruh budak ulang lagi. Kemudian baca balik. Kemudian menghafaz lah”*. (RS3GPI2: 17).

Dengan keadaan demikian, keseluruhan hasil dapatan pengetahuan pedagogi am GPI menjelaskan kepelbagaian kaedah dan teknik dalam pengajaran khususnya aktiviti permainan, persembahan secara seni kreatif, pembelajaran secara realiti dan menggabungkan teknologi pendidikan mempunyai hubungan dalam peredaran zaman pendidikan. GPI mengikuti cara pembelajaran yang terkini terutama sekali dalam bidang ICT. Dapatan kajian ini selari dengan saranan Azir (2017) yang menyatakan seorang guru harus bersedia dengan kaedah dan teknik pembelajaran mengikut keupayaan murid. Walaupun demikian, segelintir GPI juga mengamalkan kaedah pengajaran secara tradisional seperti menghasilkan kertas mahjong. Namun, corak persembahan secara penulisan kreatif, membuka ruang minda murid menerima kaedah ini seterusnya meninggalkan impak dalam proses pembelajaran.

## b) Strategi pengajaran.

Kompetensi pengetahuan pedagogi am menghasilkan tema strategi pengajaran. Strategi pengajaran merupakan langkah-langkah yang perlu di ambil oleh GPI dalam mengendalikan sesuatu aktiviti pembelajaran dengan sistematik.

“...*kena pelbagai dia punya aktiviti diakan, bergantung kepada tajuk. Contoh kalau mufrad muannas, eh bukan...bukan, ji'il madhi, mudhari' amar tu kita pakai tangan. Lepas tu nanti kalau contohnya kalau apa tu angka kita pakai jadual memang budak kena kuasailah benda tu*”. (TB/Syazanah/KP: 191).

“*Kalau kaedah projek ni, contoh guru memberi suatu tugas pada murid untuk menyiapkan satu scrap book atau untuk membuat satu bentuk carta i-think atau sebagainya*”. (TB/Adibah/KP: 475).

“... *strategi pengajaran berpusatkan guru ni, kita boleh nampak dia ni lebih kepada berbentuk komunikasi satu hala je. Dia akan jadi pasif dan seolah macam kelas tu tidak ceria...*”. (TB/Adibah/KP: 461).

“...*untuk Tayammum contohnya guru menggunakan pasirkan debu tu kan*”. (TB/Adibah/KP: 997).

Hasil dapatan menjelaskan strategi pengajaran yang diamalkan oleh GPI memfokuskan kepada strategi pemusatan murid dengan melibatkan murid secara aktif dalam kaedah bermain, melibatkan aktiviti berkumpulan terutamanya aktiviti projek dan penggunaan bahan bantu mengajar yang biasa digunakan oleh guru seperti kad imbasan, kad manila, papan selit dan gambar-gambar. Kesan daripada aktiviti ini, idea murid bercambah dan matlamat bagi menyelesaikan sesuatu masalah berjaya. Kajian ini selari dengan hasil dapatan kajian Zafira Zafirah, Agusti, Engkizar, Anwar, Alvi, dan Ernawati, (2018) yang menyatakan pembelajaran secara permainan terutama sekali penggunaan media dapat dijadikan sebagai alat dalam pendidikan pembangunan karakter dan kemahiran murid.

Manakala strategi pemusatan guru pula, GPI menjelaskan terdapat pelbagai kaedah yang dapat dilakukan oleh guru. Contohnya guru menerapkan pelbagai kaedah seperti penerangan, demonstrasi, syarahan, pengajaran berkumpulan, pengajaran mikro dan bercerita. Walau bagaimanapun strategi pemusatan guru mempunyai kekurangan dari sudut komunikasi satu hala.

## c) Perancangan pengajaran.

Hasil dapatan dalam kajian ini menunjukkan kompetensi pengetahuan pedagogi am dengan tema perancangan pengajaran.

“*Oleh itu, kita sebagai guru-guru ni sebenarnya adalah sebagai plan maker iaitu perancang*”. (TB/Adib/KP: 212).

“*Haa set induksi seterusnya kepada isi pembelajaran dan...dan penutuplah akhbir sekali*”. (TB/Iman/KP: 196).

Jelaslah bahawa tema perancangan pengajaran merupakan pengetahuan yang penting kerana ianya membolehkan GPI untuk menentukan objektif PdPc, teknik mengajar, isi pelajaran dan bahan pengajaran dengan baik supaya ada perkaitan dengan strategi pengajaran. Setelah GPI mempunyai perancangan pengajaran, perkara ini memudahkan mereka dalam melaksanakan langkah-langkah pengajaran yang ditetapkan. Langkah-langkah pengajaran ini kebiasaannya diamalkan oleh setiap guru bermula apabila mereka masuk ke dalam kelas sehingga akhir waktu pengajaran. Justifikasinya,

GPI menyatakan dalam temu bual beliau setiap langkah pengajaran dimulakan dengan induksi dan diakhiri dengan penutup.

Hasil dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Habibah et al., (2016) yang menyatakan keperluan profesionalisme GPI dalam menyediakan perancangan pengajaran sebelum proses pengajaran dilakukan adalah tinggi dengan skor min 4.5372 dan sisihan piawai 0.41273. Hal demikian adalah kerana kesediaan GPI terhadap faktor pengurusan masa mengajar perlu berkualiti, pemilihan kaedah dan teknik pembelajaran dan objektif pembelajaran agar lebih terarah.

#### **d) Pengintegrasian kemahiran generik.**

Kompetensi pengetahuan pedagogi am menghasilkan tema pengintegrasian kemahiran generik.

*“...anak-anak kita juga tergolong dalam generasi alpha yang mana generasi yang **menguasai semua maklumat** yang boleh dicapai melalui hujung jari sabaja”. (TB/Adib/KP: 207).*

*“...guru membawa peralatan seperti mikrofon ke, speker, video untuk tayangkan...more kepada **penggunaan IT dalam pengajaran** tu lagi baik lah ...”. (TB/Adibah/KP: 502).*

GPI berpengetahuan dalam melaksanakan pengintegrasian kemahiran generik ini dengan menggabungkan beberapa kemahiran seperti kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi serta kemahiran pemudahcaraan. Perkembangan ini memerlukan guru perlu bersedia dengan kemahiran teknologi maklumat memandangkan murid sekarang ini tergolong dalam generasi alpha iaitu generasi yang cepat dalam menerima maklumat.

Dapatan kajian ini selari dengan pandangan Endah (2019), yang menyatakan pembinaan profesionalisme guru diukur dengan pengamalan pendidikan teknologi. Penggunaan peralatan yang berasaskan teknologi maklumat dan pembelajaran di luar kelas juga dapat menimbulkan rasa minat terhadap murid. Tambahan itu, inovasi pendidikan yang terhasil dan diamalkan adalah mengikut sistem arus pendidikan yang terkini.

#### **e) Amalan *Integrated Holistic Education System* (IHES).**

Kompetensi pengetahuan pedagogi am menghasilkan tema IHES. Penerapan budaya IHES dalam sistem pendidikan di JAIS telah dilaksanakan di setiap sekolah. IHES memberikan tumpuan khusus kepada pengintegrasian tiga elemen utama iaitu program pembangunan potensi insan, kurikulum dan media yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah dalam mencapai falsafah, misi dan visi bahagian pendidikan JAIS.

Ustaz Iman menyatakan, pelaksanaan IHES diterapkan ketika aktiviti PdPc di dalam kelas. Penerapan IHES tidak tertakluk dalam satu masa yang khusus tetapi ianya boleh diterapkan dalam waktu yang fleksibel.

*“Lepas tu dalam masa yang sama, tengah-tengah isi pelajaran tu pun kita macam kita kat JAIS selalu **ditekankan tentang IHES**”. (TB/Iman/KP: 201).*

Oleh yang demikian, IHES merupakan satu program bagi membangunkan insan yang seimbang dan menyeluruh berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Penerapan nilai-nilai murni ini dapat dibentuk ketika PdPc di dalam atau di luar bilik darjah. Justifikasinya, Ustaz Iman menjadikan amalan doa bagi melahirkan rasa ketaqwaan dan keredhaan Allah SWT. Ustaz Iman memulakan strategi sesuatu pembelajaran dengan membaca doa dan memberi salam.

*“Macam first tu masuk macam biasa **bagi salam, baca doa tu semua**”*. (TB/Iman/KP: 187).

Dalam pada itu, pemerhatian pengajaran terhadap GPI3 menunjukkan beliau mengamalkan membaca doa bersama-sama murid sebelum memulakan pembelajaran. Contoh pemerhatian pengajaran ini, ustaz Amin meminta semua murid membaca doa bersama-sama dalam bahasa Arab. Murid-murid membaca doa dengan penuh khusyuk dan tawaduk (PGPI3: 14).

Melalui dapatan IHES dalam pedagogi am, rakan guru GPI mengesan dan menyatakan penerapan ini diterapkan kepada murid ketika di hujung pembelajaran (RS1GPI1: 158). Persamaan ini juga dapat dilihat dari persepi pentadbir sekolah, penerapan IHES guru SRAI berhubungkait dengan niat kerana Allah agar memastikan sentiasa komitmen dan tidak culas dalam menjalankan tugas (GB1GPI1: 237).

#### **f) Kebersihan kelas.**

Kompetensi pengetahuan pedagogi am menghasilkan tema kebersihan kelas. Amalan kebersihan kelas diterapkan di setiap sekolah agar murid diberikan pemahaman dan pemantapan terhadap rasa tanggungjawab nilai kebersihan dan keceriaan sekolah. Bagi Ustaz Iman, penerapan membersihkan kelas merupakan pengetahuan tentang pedagogi am sebelum memulakan sesuatu PdPc. Beliau dapat menerapkan pengamalan dan pengetahuan tentang aspek kebersihan dalam Islam. Ustaz Iman dapat mengurus dan menyelenggara sewaktu PdPc sedang berjalan dengan kemas dan sistematik.

*“...kalah ada sampah, ada sampah bawah meja sebab **bila kelas bersih, selesa barulah pembelajaran efektif**”*. (T/B/Iman/KP: 189).

#### **g) Perbezaan individu.**

Kompetensi pengetahuan pedagogi am menghasilkan tema perbezaan individu. Setiap GPI berhadapan dengan murid yang memiliki pelbagai kecerdasan dan kebolehan. Bagi menghadapi murid seperti demikian, ustazah Syazanah menyediakan aktiviti-aktiviti pengukuhan untuk mencabar pemikiran mental mereka. Menurut ustazah Syazanah, penggunaan BBM di dalam kelas merupakan penggunaan yang sama dalam kepelbagaian tahap murid. Cuma kecerdasan murid yang berbeza-beza memerlukan perhatian guru secara fokus.

*“Sebenarnya dari sudut BBM tu dia lebih kurang sama je, contoh asas tangan tu memang tangan tapi maknanya **pendekatan kita kat budak tu sekejap dengan lama**”*. (TB/Syazanah/KP: 196).

Kaedah ini turut dinyatakan oleh murid ustazah Syazanah iaitu;

*“...ustazah mengajar menggunakan kaedah jari seronok dan mudah faham”*. (MGPI1: 25).

Dengan keadaan demikian, kompetensi pengetahuan GPI dari aspek pedagogi am sangat diperlukan supaya guru dapat menjalankan proses pengajaran dengan lebih berkesan terutama sekali pembelajaran abad ke-21. Segala pengetahuan GPI terhadap tema pedagogi am menjelaskan tahap pengalaman dalam bidang pendidikan yang mereka ceburi adalah tinggi. Namun, dapatan ini berbeza dari kajian pengetahuan pedagogi yang dijalankan oleh Siti Rashidah (2020) terhadap guru tahfiz yang kurang latihan dan pendedahan serta kurang komitmen dalam proses pengajaran dan pembelajaran.



## PERBINCANGAN

GPI dapat mengetahui sesuatu kaedah dan teknik berdasarkan kriteria atau indikator kualiti yang ditetapkan. Pengetahuan GPI terhadap kaedah dan teknik begitu mendalam dan dapat menyusun strategi yang cukup baik. Kepelbagaian pengetahuan dalam kaedah dan teknik terhadap subjek yang diajar dapat mempengaruhi corak penyampaian guru ketika di dalam bilik darjah. Kenyataan ini disokong oleh Fatimah Affendi (2018), yang menyatakan pengetahuan isi kandungan dapat menyediakan bahan pembelajaran yang lengkap menepati kehendak sukatan dan huraian sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Hasil kajian terhadap kaedah dan teknik bagi menarik minat murid yang diamalkan di dalam bilik darjah adalah pengetahuan belajar sambil bermain, mengaplikasikan teknologi pendidikan, dan menerapkan kesenian atau kreativiti. Menurut Azhari Mariani (2016), kaedah ini memberikan satu perubahan guru dalam meningkatkan kualiti PdPc di sekolah kerana keupayaan dalam merangsang kreativiti pelajar dan personaliti positif dapat merealisasikan pengajaran kreatif. Pembelajaran guru secara kreatif dapat membangunkan potensi diri pelajar dan pembelajaran lebih dinamik, segar dan berkesan menjadi asas pencapaian akademik dan sahsiah murid. Ada segelintir GPI dikurniakan oleh Allah SWT dalam sesuatu bakat dan bidang seni. Oleh itu, GPI menggunakan bakat yang sedia ada untuk diterapkan ketika dalam PdPc. Kreativiti GPI diserlahkan juga ketika aktiviti PdPc dijalankan dalam bilik darjah. Penggunaan medium warna yang diterapkan, sedikit sebanyak memberikan rangsangan minda murid untuk mengingati fakta dengan lebih cepat.

Kompetensi pengetahuan GPI SRAI terhadap kaedah dan teknik dilihat dengan menerapkan pembelajaran secara amali. GPI dapat membentuk pengetahuan dalam menerangkan maksud secara amali iaitu keadaan sebenar. GPI dapat menarik minat murid terhadap mata pelajaran bahasa Arab khususnya dalam menghafal perbendaharaan yang baharu melaksanakan dalam kehidupan harian secara berperingkat. Kaedah ini adalah mudah dan cepat dikuasai oleh murid.

Tambahan dari itu, kompetensi pengetahuan GPI terhadap kaedah dan teknik diperhatikan dengan penerapan tunjuk cara dalam bilik darjah. GPI berkemahiran dan berkeyakinan dalam berkongsi *skill* bersama murid. Kenyataan ini selari dengan pendapat al-Nahlawi (1996) yang menyatakan guru perlu mengetahui kaedah yang hendak disampaikan sebelum mengajar agar murid dapat memahami maksud penyampaiannya. Istilah 'belajar sambil buat sekali' bersama murid dapat mewujudkan kelas yang harmoni dapat memberikan kefahaman dan pembelajaran menjadi berkesan. Kenyataan ini turut bertepatan dengan pandangan Ab. Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010), yang menyatakan tunjuk ajar yang dibimbing oleh guru selaku orang dewasa dapat mempercepatkan lagi perubahan tingkah laku murid berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kompetensi GPI SRAI menampilkan aktiviti yang dominan dan menyerlah ketika aktiviti PdPc dan pelaksanaannya secara menyeluruh. Secara tidak langsung, pihak yang berkenaan seperti Bahagian Pendidikan Islam JAIS atau pun pihak yang terlibat dalam pengurusan pendidikan dapat menganjurkan kursus, bengkel seminar atau pemantauan berkala kepada GPI di SRAI untuk memberikan pendedahan awal peningkatan kompetensi guru dalam keberkesanan profesionalisme. Secara tidak langsung, hal demikian dapat mengurangkan beban pihak BPI JAIS untuk membina instrumen kompetensi dan boleh memikirkan instrumen lain untuk meningkatkan kualiti GPI.

Kajian ini juga boleh diperluaskan kepada guru di sekolah agama persendirian yang didaftarkan dan dipantau dibawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Kategori sekolah agama swasta ini termasuklah Sekolah Rendah Islam (SRI), Sekolah Menengah Islam (SMI) dan maahad tahfiz persendirian. Perluasan kajian ini dapat mewujudkan satu kerjasama yang erat agar memantapkan lagi sistem pendidikan Islam di negeri Selangor.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan konsep al-Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic*, 2, 43-56
- Abdurrahman Al-Nahlawi. (1995). *Pendidikan Islam dirumah sekolah dan masyarakat*. Terj. Jakarta: Gema Insani Press.
- Azhari Mariani. (2016). Model Pengajaran Kreatif Berteraskan Kompetensi, Personaliti Dan Rangsangan Kreativiti Guru Matematik Berpendekatan Pemodelan Persamaan Struktur. Tesis PhD. UTM.
- Azir, Z. (2017). *Simulasi Abu Blower Sebagai ABBM*. Universiti Tun Hussein Oon Malaysia: Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional.
- Eghrmis. (2019). LNPT. Diperoleh daripada <https://www.eghrmis.gov.my/lnpt>. [6 Ogos 2019].
- Endah Tri Sejatiningrum. (2019). Sistem pembinaan profesionalisme guru agama Islam di Indonesia dan Malaysia. *Al-Idarah*, 9.
- Fatimah Affendi. (2018). Definisi Perancangan Pengajaran dan Kepentingan Perancangan Pengajaran. Diperolehi daripada <http://pedagogi-pendidikan.blogspot.com/2013/06/definisi-perancangan-pengajaran-dan.html> [11 April 2021].
- Habibah@Artini Ramlie, Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Safar, Norshahrul Marzuki Mohd Nor. (2016). Keperluan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam aspek pengajaran. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* Vol.3, No.3 (September 2016) 85-109.
- Hazlan Atan. (2018). Tahap Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) guru mengajar Jawi sekolah rendah daerah Klang. Tesis Yang Tidak Diterbitkan. UKM.
- IHES. (2015). Slaid. Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor.
- JAIS. (2019). Bahagian Pendidikan Islam. Diperoleh daripada <https://www.jais.gov.my/v2/page.php?s=pendidikan-islam>. [6 Ogos 2019].
- Kamarul Azmi Jasmi, Tamuri, Ab Halim, dan Mohd Hamzah, Mohd Izham. (2010). Faktor Pentadbir dan Pengetua dalam kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan Guru di sekolah menengah: Satu kajian kes. *Jurnal Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab*, 2(1):13–20.
- McBer, H. (1996). *Scaled Competency Dictionary*. Boston: HayMcBer
- Mohd Hanif Ismail. 2021. Struktur Pelan Operasi Latihan Jabatan Agama Islam Selangor Skim Perkhidmatan Gred DG 29. Institut Murabbi Negeri Selangor. Temubual, 10 Mac.
- N, Djamas. (2005). *Kompetensi Guru Pendidikan Agama Islam SLTP*. Jakarta: PulitsbangPendidikan Agama dan Keagamaan, Badan Litbang dan Diklat Keagamaan.
- Norhana Mohamad Saad, Pranayna Baharuddin dan Siti Noor Ismail. (2016). Hubungan antara tahap kompetensi fungsional guru dengan pencapaian akademik pelajar di sekolah menengah di negeri Kelantan. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016*. Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Nur Hanani Hussin dan Ab. Halim. (2017). Faktor Perkembangan Pengetahuan Kandungan Pedagogi Dalam Kalangan Guru Cemerlang pendidikan Islam. *The Online Journal Of Islamic Education* November 2017, Vol. 5, Issue 2.

- Saedah Siraj dan Mohammed Sani Ibrahim (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia. Diperolehi daripada <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/listseminar/medc2012/pdf/159.pdf>. [18 Disember 2019].
- Shulman, L. (1987). Knowledge and teaching: foundation of new reform. *Havard Educational Review*, 57(1).
- Siti Rashidah Abd Razak. (2020). Isu Pendidikan Guru Tahfiz: Pengetahuan Pedagogi dan Amalan dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Pusat Tahfiz Persendirian di Selangor. *ISLAMIYYAT* 42 (Isu Khas) 2020: 101 – 106.
- Zafirah, A., Agusti, F. A., Engkizar, E., Anwar, F., Alvi, A. F., & Ernawati, E. (2018). Penanaman nilai-nilai karakter terhadap peserta didik Melalui permainan congkak sebagai media pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Karakter*, 8(1).